Adalah jelas bahawa keterangan-keterangan daripada saksi-saksi pendakwaan tersebut telah menimbulkan beberapa keraguan yang tidak diberi pertimbangan teliti atau penilaian maksima oleh Majistret yang bijaksana itu. Sekiranya keseluruhan keterangan itu diberi pertimbangan teliti atau penilaian maksima seperti yang dikehendaki di bawah undang-undang, maka Majistret yang bijaksana itu mungkin mencapai satu keputusan bahawa tiada kes *prima facie* dikemukakan oleh pihak pendakwaan pada akhir kesnya.

Di dalam kes *Khoo Hi Chiang lwn. Public Prosecutor And Another Appeal* [1994] 1 MLJ @ 268, Mahkamah Agung, telah, di antara lain, memutuskan seperti berikut:

> (Oleh Edgar Joseph Jr HMA) Tugas mahkamah pada penutup kes pendakwa adalah untuk melakukan bukan hanya suatu penilaian minima terhadap keterangan yang dikemukakan oleh pihak pendakwa untuk menentukan sama ada keterangan pihak pendakwa itu sememangnya tidak boleh dipercayai, iaitu ujian *Haw Tua Tau*, tetapi suatu penilaian maksima keterangan itu untuk menentukan sama ada pihak pendakwa telah membuktikan tuduhan terhadap tertuduh sehingga melebihi keraguan yang munasabah.

Berdasarkan kepada alasan-alasan yang tersebut di atas saya memutuskan bahawa pada akhir kes pendakwaan, pendakwa telah gagal mengemukakan satu kes *prima facie* menurut tahap yang diperintahkan oleh Mahkamah Agung dalam kes *Khoo Hi Chiang* tersebut. Oleh yang demikian saya membenarkan Rayuan ini dan memerintahkan bahawa sabitan yang dirakamkan oleh Majistret yang bijaksana itu diketepikan, dan defendan dibebaskan dan dilepaskan. Denda, sekiranya telah dibayar, akan dikembalikan kepada perayu. Eksibit-eksibit lain dikembalikan kepada pendakwaan untuk pelupusan.

PENDAKWA RAYA

lwn.

M. YOGALINGAM A/L S. MUTHUKRISHNAN & 2 LAGI

MAHKAMAH TINGGI, KUALA LUMPUR
DATO' HJ. ARIFIN BIN HJ. JAKA PK
[PERBICARAAN JENAYAH BIL. WPPJ 47-22-92]
17 MAC 1993

UNDANG-UNDANG PROSEDUR JENAYAH: Tuduhan mengedar dadah berbahaya - Tuduhan dipinda kepada satu kesalahan di bawah s. 12(2) Akta Dadah Berbahaya 1952 - Ketiga-tiga tertuduh mengaku salah - Faktor-faktor yang perlu dipertimbangkan sebelum Mahkamah menjatuhkan hukuman - Tertuduh kedua seorang orang muda - Pertimbangan peruntukkan di bawah s. 15(2) Akta Mahkamah Juvana 1947 - Sama ada tertuduh kedua patut dipenjarakan.

Ketiga-tiga tertuduh dibicarakan atas tuduhan mengedar dadah berbahaya di bawah s. 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952. Semasa perjalanan perbicaraan, pihak pendakwa telah meminda tuduhan terhadap ketiga-tiga tertuduh daripada s. 39B(1)(a) kepada s. 12(2) Akta yang sama. Ketiga-tiga tertuduh telah mengaku salah di atas pertuduhan pindaan dan soalan yang timbul ialah hukuman yang patut dijatuhkan keatas tertuduh.

Diputuskan:

[1] Setelah mengambil kira bahawa tertuduh telah mengaku salah, satu fakta yang boleh meringankan hukuman, dan kepentingan awam dan bahawa ini adalah kesalahan serius melibatkan heroin seberat 32 gram dan mengambil kira keseluruhan keadaan dalam kes ini, Mahkamah berpendapat bahawa hukuman yang setimpal dengan kesalahan terhadap tertuduh pertama dan kedua adalah 15 penjara bermula dari tarikh tangkapan dan 10 kali sebatan.

[2] Menempatkan tertuduh kedua di Sekolah Henry Gurney, seperti yang dicadangkan oleh Peguamnya, tidaklah sesuai dan setimpal dengan kesalahan serius yang dilakukan oleh tertuduh walaupun tertuduh adalah seorang orang muda semasa melakukan kesalahan.

[3] Hukuman yang dijatuhkan hendaklah mencerminkan bahawa Mahkamah juga

memandang berat soal pengedaran dadah. Walaupun umur tertuduh adalah satu fakta yang penting untuk diambil kira semasa menghukum tetapi umur tertuduh dalam kes seperti ini yang melibatkan dadah merbahaya tidaklah sepatutnya mengatasi keperluan kepentingan awam. Jika seseorang itu sanggup melakukan kesalahan yang serius samada orang muda atau pun dewasa ia semestinya sanggup menerima hukuman yang ditetapkan oleh undang-undang akibat dari kesalahan yang dilakukannya.

[4] Setelah mengambilkira laporan akhlak di atas tertuduh dan keadaan keseluruhan kes ini, hukuman penjara hendaklah dikenakan di atas tertuduh kedua. Teruduh kedua dijatuhkan hukuman penjara 5 tahun bermula dari tarikh tangkapan dan 10 kali sebatan.

[Perintah sedemikian].

Kes-kes yang dirujuk:
R lwn. Ball [1935] 35 Cr. App. R. 164 ***(dirujuk)***
Abu Bakar bin Aliff lwn. R [1953] MLJ 19 ***(dirujuk)***
Public Prosecutor lwn. Yeoh Eng Khuan [1976] 1 MLJ 238 ***(dirujuk)***
Public Prosecutor lwn. Loo Choon Fatt [1976] 1 MLJ 256 ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:
Akta Dadah Berbahaya 1952, ss. 12(2), 39B(1)(a), (A)(2), (B)(2)
Akta Mahkamah Juvana 1947, ss. 12(f), 15(2)
Ordinan Darurat, s. 13(c)(b)

Bagi pihak pendakwa - Fernandez, TPR
Bagi pihak tertuduh 1 & 2 - P.M. Mahalingam
Bagi pihak tertuduh 3 - Loh

ALASAN PENGHAKIMAN

Hj. Arifin bin Hj. Jaka PK:
Pada awalnya ketiga-tiga orang yang tertuduh dibicarakan atas tuduhan bersama-sama pada 11 Februari 1992, lebih kurang pukul 7.05 malam di Jalan 15, Kampung Tun H.S. Lee, Sentul Pasar Dalam di dalam Wilayah Persekutuan mengedar dadah berbahaya iaitu 32 gram heroin dibawah s. 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 yang boleh dihukum di bawah s. 39(B)(2) Akta yang sama. Setelah dijalankan perbicaraan selama 8 hari Pendakwa telah meminda tuduhan terhadap ketiga-tiga tertuduh daripada s. 39B(1)(a) kepada s. 12(2) yang boleh dihukum di bawah s. 39(A)(2) Akta yang sama. Di atas pertuduhan pindaan ketiga-tiga tertuduh telah mengaku salah dan mereka faham sifat dan akibatnya.

Fakta kes sebagaimana yang diakui oleh semua tertuduh dan dihuraikan oleh Pendakwa ialah pada 9 dan 10 Februari 1992, perjumpaan telah diadakan di antara Yogalingam (OKT 1), Subri bin Osman (OKT 3) dengan Det. L/Kpl. Hamdan dan Det. Kpl. Sabri yang bertindak sebagai "undercover" bagi membincangkan penjualan dadah.

Akhirnya pada 11 Februari 1992, jam lebih kurang 6.50 petang OKT 3 telah membawa Det. L/Kpl. Hamdan dan Det. Kpl. Saadon sebagai "undercover" ke Jalan 15 Kg. Tun H.S. Lee, Sentul Pasar dimana mereka telah menemui M. Yogalingam (OKT 1) dan Ganesan a/l Paremasamy (OKT 2). OKT 2 telah membawa OKT 1 di atas motorsikal ke tempat tersebut. OKT 1, selepas itu telah masuk ke sebuah lorong di kawasan setinggan semasa OKT 2 telah masuk dalam kereta WBN 6917 di mana Det.L/Kpl. Hamdan, Det.Kpl. Saadon dan OKT 3 menunggu. Di situ OKT 2 telah bercerita dengan Det.L/Kpl. Hamdan dan Det.Kpl. Saadon berkenaan dadah.

Tidak lama kemudian OKT 1 sampai dan masuk ke dalam kereta tersebut dengan membawa sebuah helmet (P6). Bila ia masuk ke dalam kereta ia telah mengeluarkan satu bungkusan (P1) yang mengandungi dadah [P4(b)] seperti yang disahkan oleh laporan kimia (P5) dari helmet tersebut dan menunjukkan pada Det.Kpl. Saadon. Tidak lama kemudian Det.L/Kpl. Hamdan telah memperkenalkan diri sebagai anggota polis dan ketiga-tiga tertuduh lari keluar dari kereta. Ketiga-tiga tertuduh telah ditangkap tidak jauh dari tempat kejadian. Bungkusan yang dikeluarkan oleh OKT 1 telah mengandungi dadah heroin sebannyak 32 gram. Siasatan menunjukkan OKT 1, OKT 2 dan OKT 3 telah bersama-sama dengan niat yang sama memiliki dadah heroin tersebut.

Fakta kes telah diakui betul oleh semua ketiga-tiga tertuduh. Saya puas hati atas dan menerima pengakuan salah yang dibuat oleh mereka dan menjatuhkan hukuman ke atas ketiga-tiga tertuduh.

Adalah menjadi amalan sebelum menjatuhkan hukuman Mahkamah perlu memberi pertimbangan fakta-fakta di dalam sesuatu kes yang boleh diambil kira bagi meringankan hukuman dan mengikut prinsip-prinsip yang biasa diamalkan. Adalah menjadi satu perkara biasa iaitu prinsip yang penting perlu diambil

kira ialah kepentingan awam. [*R lwn. Ball* [1935] 35 Cr. App. R. 164; *Abu Bakar bin Aliff lwn. R* [1953] MLJ 19].

Bagi permulaan saya ingin menyatakan iaitu dadah yang terlibat dalam kes ini ialah heroin seberat 32 gram. Kesalahan yang dilakukan oleh ketiga-tiga tertuduh adalah satu kesalahan yang serius. Penyalahgunaan dadah dalam negara ini adalah satu gejala yang buruk sehingga mendapat tentangan dan perhatian berat pemerintah menyebabkan undang-undang mencegah salah guna dadah digubal sedemikian rupa. Jika tidak dibendung sudah tentu akibat menyalahguna dadah merosakkan masyarakat. Hukuman yang boleh dikenakan atas kesalahan ketiga-tiga tertuduh di bawah s. 39(A)(2) Akta Dadah Berbahaya 1952 ialah penjara seumur hidup (imprisonment for life) atau penjara tidak kurang dari 5 (lima) tahun dan tidak kurang dari 10 (sepuluh) sebatan.

M. Yogalingam a/l S Muthukrishnan (Tertuduh 1) berumur 25 tahun dan mempunyai dua orang anak seorang berumur 4 tahun dan seorang lagi 4 bulan dan juga ibu bapa yang tua. Beliau pernah dihukum penjara 1 tahun atas sabit kesalahan di bawah s. 13(c)(b) Ordinan Darurat 5/69 pada tahun 1988

Subri bin Osman (Tertuduh 3) berusia 24 tahun telah berkahwin dan mempunyai dua orang anak yang masih kecil dan kesalahan ini adalah kesalahan yang pertama bagi dirinya .

Setelah meneliti segala fakta-fakta yang saya fikirkan relevant seperti Tertuduh telah mengaku salah (satu fakta yang boleh meringankan hukuman), kepentingan awam dan kesalahan yang serius melibatkan heroin seberat 32 gram iaitu satu jenis dadah yang sangat merbahaya dan mengambil kira keseluruhan keadaan dalam kes ini maka saya berpendapat hukuman yang setimpal dengan kesalahan terhadap M. Yogalingam (Tertuduh 1) ialah 15 tahun penjara bermula dari tarikh tangkapan dan 10 kali sebatan dan Subri bin Osman (Tertuduh 3) ialah 15 tahun penjara bermula dari tarikh tangkapan dan 10 kali sebatan.

Oleh kerana Ganesan (Tertuduh 2) ialah seorang orang muda (young person) maka saya memberi pertimbangan yang berbeza dari Tertuduh 1 & 2.

Ganesan a/l Paremasamy (Tertuduh 2) adalah berumur 17 tahun 1 bulan semasa melakukan kesalahan (18 tahun 1 bulan semasa hukuman). Sebelum menjatuhkan hukuman saya telah memerintahkan supaya satu laporan ke atasnya disediakan oleh Pegawai Akhlak. Laporan Pegawai Akhlak (P14) tidaklah memberi gambaran yang baik terhadapnya. Tertuduh bersekolah setakat darjah 6 sahaja dan berhenti kerana tidak berminat untuk belajar. Keadaan rumah tangganya tidaklah dapat memberi keselesaan hidup, ibu bapanya telah berpisah dan tidaklah dapat diharapkan penjagaan atas diri tertuduh. Semenjak berhenti sekolah tertuduh telah bebas bercampur gaul dengan kawan-kawannya tanpa mendapat kawalan oleh keluarganuya sehingga ia terjerumus ke dalam kancah pengedaran dadah bersama-sama tertuduh 1 dan tertuduh 2 dalam kes ini. Saya berpendapat beliau bukanlah seorang kanak-kanak yang mudah dipengarohi tetapi merupakan seorang orang muda (young person) yang matang dalam pemikirannya sehingga dia dengan rela melibatkan diri mengedar dadah. Oleh yang demikian beliau tidak harus mendapat simpati yang keterlaluan sehingga boleh ditafsirkan Mahkamah tidak mengambil kira kepentingan awam.

En. P.M. Mahalingam, peguam bagi pihaknya membuat rayuan iaitu oleh kerana tertuduh seorang orang muda (young person) maka hukuman ringan dikenakan dan mencadangkan supaya tertuduh ditahan dan ditempatkan di Sekolah Henry Gurney di bawah s. 12(f) Akta Mahkamah Juvana 1947. Setelah memberi pertimbangan yang mendalam dan dalam segala keadaan kes ini yang saya sebutkan terdahulu maka saya berpendapat hukuman di bawah s. 12(f) Akta Mahkamah Juvana 1947 iaitu menempatkan tertuduh di Sekolah Henry Gurney bukanlah cara yang sesuai tertuduh boleh diuruskan seperti diperuntukkan di bawah s. 15(2) Akta Mahkamah Juvana 1947 dinyatakan:

> No young person shall be sentenced or ordered to be imprisoned if he can be suitably dealt with in any other way whether by probation, fine, or committal to a place of detention, approved school or Henry Gurney School or otherwise.

Menempatkan tertuduh di Sekolah Henry Gurney pada pendapat saya tidaklah sesuai dan setimpal dengan kesalahan serius yang dilakukan oleh tertuduh. Tertuduh sekarang berumur 18 tahun 2 bulan dan jika ditempatkan di Sekolah Henry Gurney bermakna ia menerima

hukuman sangat ringan. Hukuman yang dijatuhkan hendaklah mencerminkan Mahkamah juga memandang berat soal pengedaran dadah. Umur tertuduh adalah satu fakta yang penting untuk diambil kira semasa menghukum tetapi saya berpendapat umur tertuduh dalam kes seperti kes ini yang melibatkan dadah merbahaya tidaklah sepatutnya mengatasi keperluan kepentingan awam. Jika sesaorang itu sanggup melakukan kesalahan yang serius samada orang muda atau pun dewasa ia semestinya sanggup menerima hukuman yang ditetapkan oleh undang-undang akibat dari kesalahan yang dilakukannya.

Di dalam kes *Public Prosecutor v Yeoh Eng Khuan* [1976] 1 MLJ 238 Abdoolcader J (pada masa itu) menyarankan di muka surat 239:

> Drug taking is a menace and drug trafficking and pushing is becoming so rampant. Persons indulging in such activities are a scrounge to society and unless the Courts consider deterence and the public interest as vital factors in sentencing, what would result would be a virtual licence for the king pins organisations in the drug trade **to use young persons** (emphasis is mine) as a front not only in the hope that they themselves would escape punishment but also that the age of these henchboys would deter the Courts from sending them to prison. Unless the Courts take a firm stand in the matter the whole purpose of the legislature in enacting in its wisdom s. 39A of the Ordinance which imposes a minimum mandatory term of imprisonment of 3 years and a maximum of 14 years would be lost.

Tatakala memberi alasan penghukuman dalam satu kes dadah merbahaya iaitu *Public Prosecutor lwn. Loo Choon Fatt* [1976] 1 MLJ 256 Hashim Yeop A. Sani J (pada masa itu) semasa membincangkan pindaan ke atas Akta Dadah Berbahaya menekankan kesedaran kerajaan terhadap penyalah gunaan dadah dalam negara ini seterusnya berkata di muka surat 257:

> The change in the attitude of the legislature itself during the last three years reflects the seriousness of the problem. In my view the courts will not be performing their functions honestly if the seriousness of the situation is not reflected in the sentence imposed or if the sentence appears to defeat the object of the statute. This is not saying that the Courts in the treatment of drug offences should at all times be severe. Each case has to be determined on its own merits. But in every case the Courts must be realistic and rational.

Berdasarkan alasan-alasan di atas setelah mengambil kira laporan akhlak di atas tertuduh dan keadaan keseluruhan kes ini saya berpendapat hukuman penjara hendaklah dikenakan di atas tertuduh. Oleh yang demikian tertuduh dijatuhkan hukuman penjara 5 tahun bermula dari tarikh tangkapan dan 10 kali sebatan (hukuman minima) dibawah s. 39A(2) Akta Dadah Berbahaya dan saya berpendapat ini adalah memadai dan setimpal dengan kesalahan yang dilakukan.